

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA**  
**[PARIT BUNTAR - PAS]**

**SOALAN (NO. 391)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam membangunkan para belia di kawasan Parlimen Parit Buntar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan produktiviti negara mencapai sasaran yang optimum, kesihatan jasmani perlu seiring dengan kesihatan mental dan rohani. Justeru itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa berusaha dalam memastikan peningkatan pembudayaan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Justeru itu, KBS telah merancang dan menyelaras serta melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sukan yang diminati bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai program-program yang disediakan. Sukan Untuk Semua merupakan satu “*tools*” pembangunan belia dan juga mampu meningkatkan penglibatan rakyat di pelbagai peringkat sebagai salah satu gaya hidup sihat.
  
2. Pada tahun ini pelbagai program sukan yang telah dan akan dilaksanakan di Daerah Kerian/Parlimen Parit Buntar dengan sasaran penyertaan lebih 32,000 orang. Program-program yang dilaksanakan merangkumi elemen sukan kecergasan, sukan OKU, FitMalaysia@community, Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS), sukan pemotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem dan sukan rakyat. Selain itu, program-program Hari Sukan Negara juga telah dilaksanakan pada 8 Oktober 2016 dengan penglibatan masyarakat di peringkat Daerah, Parlimen, JKKK dan JPP.

**SULIT**

3. Pelaksanaan FitMalaysia dan Hari Sukan Negara juga merupakan platform kepada belia dan masyarakat sebagai pencetus dan bakal memberi impak yang besar ke atas peningkatan kesedaran kesihatan dan mutu sukan negara secara keseluruhan.
4. Selain itu, antara program-program pembangunan belia yang turut dilaksanakan ialah Program Kepimpinan Organisasi, Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah, Program Jom Belia Niaga, Tiga Usahawan Satu Daerah (3U1D) dan Taklimat Penggalakan Koperasi.

Sekian, terima kasih.